

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2014

SOALAN :

YB Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang dilaksanakan dalam memantau kemasukan makanan 'Genetically Modified Food' (GMF) dalam pelbagai bentuk ke Malaysia supaya tidak menjelaskan kesihatan pengguna serta tidak mengandungi bahan-bahan yang tidak halal.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin mengenai kemasukan makanan 'Genetically Modified Food' (GMF) dalam pelbagai bentuk ke Malaysia. KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) bertanggungjawab untuk memastikan makanan adalah selamat melalui penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan lain-lain peraturan di bawahnya.

Di Malaysia, hanya GMF yang mengandungi *event Genetically Modified Organism (GMOs)* yang telah melalui proses penilaian keselamatan (*safety assessment*) dan disahkan selamat oleh Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik (GMAC) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dibenarkan diimport atau dipasarkan. GMAC ditubuhkan di bawah Akta Biokeselamatan 2007 dan berfungsi untuk memberikan nasihat saintifik, teknikal dan lain-lain nasihat yang berkaitan. Malaysia sentiasa berpendirian bahawa pelabelan mandatori bagi GMF amat perlu supaya pengguna dapat membuat pilihan yang bermaklumat. Peraturan berkaitan pelabelan GMF telah diwartakan pada 8 Julai 2010 dan mula dikuatkuasakan pada 9 Julai 2014.

Pelabelan makanan dan ramuan makanan yang mengandungi dan dihasilkan daripada organisma diubah suai secara genetik telah diwajibkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Peraturan ini juga menghendaki supaya pelabelan sumber gen termasuklah daripada haiwan dan bahan yang boleh menyebabkan hipersensitiviti diwajibkan. Ini bagi menggalakkan ketelusan dan membolehkan pengguna mengetahui sumber ramuan makanan terutama yang memberi kesan kepada kesihatan seperti alahan dan membantu menepati tuntutan agama dan budaya seperti halal, vegetarian dan sebagainya.

KKM sedang menjalankan pemantauan ke atas GMF bagi keperluan pelabelan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Pada masa yang sama, KKM berkerjasama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta pihak industri pengeluar makanan untuk memastikan hanya makanan dan ramuan makanan yang mengandungi GMOs yang telah diluluskan oleh GMAC diimport dan dipasarkan di negara ini.